

# Ukuran Kecintaan Kepada Nabi SAW

ajarannya? Mengamalkan ajaran Al-Quran bermakna kita mengamalkan ajaran yang dibawa oleh baginda yang penuh pahit getir berjuang dan berdakwah sehingga kita semua mendapat cahaya Islam dan Iman seperti hari ini. Kita sebagai umat baginda yang pilihan sangat sepantasnya mengikuti segala pesanan dan ajaran yang ditinggalkannya sebagai balasan kepada jasa baik baginda yang telah mensejahterakan kita dan umat Islam. Di sinilah letaknya cinta kita kepada Nabi SAW.

Mengapa akhlak baginda bagitu hebat dan agung? Jawabnya kerana Al-Quran merupakan akhlak baginda, dalam erti Rasulullah menterjemahkan Al-Quran itu dalam kehidupan sehariannya. Maka, jika kita cintakan Nabi, ikutlah ajaran Al-Quran kerana Al-Quran itu dicipta oleh Allah semata-mata untuk kesejahteraan dan keselamatan manusia di dunia dan akhirat.

Hal-hal yang tersebut di atas hanyalah sebahagian daripada pertanyaan untuk membuktikan yang kita ini benar-benar cintakan Nabi SAW. Sebagai kesimpulan, tidak ada ertinya jika kita hanya berbangga sebagai umat Nabi Muhammad SAW sedangkan kita tidak menjadi penegak kepada syiar yang diajarkannya. Cintakan Nabi tidak bererti kalau sekadar bermain dengan kata-kata sedangkan hati kita tidak menerima atau mengikut ajarannya, malahan perbuatan kita bertentangan dengan ajaran dan akhlaknya, sehingga selepas setiap kali peringatan maulid, tida kesan positif dan penghayatan untuk pembangunan ummah.

Kita sebenarnya merupakan insan paling beruntung kerana menjadi umat Nabi Muhammad SAW. Tetapi keistimewaan dan keberuntungan itu bergantung pada kesediaan kita melaksanakan kebaktian kepada Allah SWT dan kerelaan mengamalkan segala ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Keistimewaan kita umat akhir zaman yang sungguh-sungguh beriman kepada baginda, pernah diungkapkan dalam satu sabdanya yang bermaksud “Berbahagialah orang-orang yang telah sempat melihat wajahku, lalu ia beriman kepadaku (diucapkan oleh Nabi SAW satu kali; tetapi lebih berbahagia lagi bagi sesiapa yang beriman kepadaku, padahal dia belum pernah melihat wajahku (diucapkan oleh Nabi SAW sebanyak 7 kali)”.

Dengan peringatan Maulid tahun 1422H ini, marilah kita mananamkan azam dan kepercayaan yang kukuh lagi murni diiringi oleh perbuatan baik menurut jejak langkah baginda, memakai akhlak dan perilaku baginda, memelihara dan melaksanakan segala ajaran Islam yang telah disebarluaskan oleh baginda, agar kecintaan kita terhadap baginda benar-benar beroleh kesempurnaan dan inilah penentu kejayaan umat Islam yang sesungguhnya dengan mendapat ridha Allah SWT.